

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 JANUARY 2017

ISU TUN M SIFATKAN INDIVIDU DITAJA YAYASAN 1MDB TIDAK DAPAT HAJI MABRUR

Jemaah tak perlu risau status haji

BH - 4/1/2017

➔ Mufti Kelantan perjas setiap ibadah bukan ditentukan seseorang

✦ Kuala Lumpur

Jemaah haji yang menunaikan ibadah haji melalui tajaan di bawah Program Khas Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tidak perlu risau dengan status ibadah mereka.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, berkata jemaah haji perlu yakin bahawa setiap ibadah yang dilakukan itu diterima oleh Allah SWT dan bukannya ditentukan oleh seseorang.

"Mereka (jemaah haji) perlu letak harapan dan berdoa bahawa amalan seperti menunaikan solat, puasa, zakat dan haji ini diterima dan selepas itu mereka harus yakin Allah SWT menerima permintaan kita," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa ibadah haji dilakukan

jemaah menerusi tajaan yayasan itu tidak akan mendapat haji mabrur.

Mohamed Shukri turut berkata, program tajaan yayasan itu harus diteruskan bagi membantu golongan tidak berkemampuan untuk menunaikan rukun Islam kelima.

Pecahbelahkan perpaduan

Sementara itu, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman meminta Dr Mahathir tidak menggunakan isu agama dalam berpolitik bagi mencapai cita-cita peribadi kerana bimbang ia boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam.

Katanya, serangan bekas Perdana Menteri terhadap kerajaan menggunakan isu jemaah haji ditaja yayasan itu tidak meridapat haji mabrur adalah sesuatu yang tidak wajar.

Beliau berkata, isu agama tidak seharusnya dipolitikkan kerana ia sensitif, termasuk menyinggung perasaan jemaah haji yang me-

nunaikan rukun Islam kelima itu menerusi program berkenaan.

"Hanya Allah sahaja layak menentukan sama ada ibadah haji seseorang itu mabrur atau sebaliknya.

Timbulkan persepsi negatif

"Dr Mahathir pernah mengkritik PAS kerana menggunakan agama untuk berpolitik, tetapi kini beliau sendiri guna isu agama bagi mendapatkan sokongan dan menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan," katanya.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dalam ceramah di Alor Setar, baru-baru ini, dilapor menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji menerusi tajaan Yayasan 1MDB, tidak akan mendapat haji mabrur.

Sebelum ini, Dr Mahathir turut mendakwa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memanfaatkan jutaan rakyat sebagai rasuah dan haram diterima.



Serangan bekas PM terhadap kerajaan gunakan isu jemaah haji ditaja yayasan itu tidak mendapat haji mabrur tidak wajar "

Mohamad Shukri Mohamad,
 Mufti Kelantan